

21 JUL 1996

Lim-Gerakan

DR LIM MEMBIDAS AMALAN KURANG SIHAT SEMASA PEMILIHAN PARTI

IPOH, 21 Julai (Bernama) -- Presiden parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik membidas amalan kurang sihat yang mula menular dalam parti itu terutama dalam pemilihan pengerusi Gerakan negeri.

Menurut beliau, terdapat calon yang menggunakan kedudukan dan wang untuk memancing undi dan ini mempersendakan proses demokrasi berpolitik di negara ini.

" Ada sebilangan calon memburuk-burukkan sesama sendiri yang bertentangan dengan prinsip "Satu Hati Gerakan", tegas beliau semasa berucap di mesyuarat perwakilan Gerakan Negeri Perak di sini, hari ini.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, setakat ini empat negeri iaitu Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak sudah menjalankan mesyuarat perwakilan negeri masing-masing.

Pertandingan sengit berlaku di Kedah dan Negeri Sembilan manakala Pengerusi Gerakan Negeri Melaka dan Perak tidak ditandingi. Timbalan Presiden Gerakan, Kerk Choo Teng dipilih menjadi pengerusi Gerakan Perak sebulat suara menggantikan Anggota Parlimen Teluk Intan, Ong Tin Kim yang tidak bertanding selepas menerajui selama lapan tahun.

Dr Lim berkata, sejajar dengan perkembangan pesat parti itu seperti pertambahan cawangan dan keanggotaan yang telah meningkat empat kali ganda, timbul muka-muka baru yang mahu memimpin parti.

Sehubungan itu, pemimpin negeri dinasihati mengundur diri jika mereka mendapati ada tenaga muda yang difikirkan layak menyumbang tenaga untuk parti dan negara, katanya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan golongan muda itu supaya jangan rakus untuk memegang jawatan dalam parti kerana cara itu bukan amalan Gerakan.

"Adalah tidak wajar jika hanya mendapat kedudukan dalam parti tetapi gagal menyumbang untuk parti dan negara", katanya.

Mengenai lawatannya ke Republik Kyrgz dan Kazakhstan bersama rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed baru-baru ini, Dr Lim berkata satu laluan baru perlu dikenal pasti jika negara berminat menjual minyak kelapa sawit ke negara-negara itu.

Menurut beliau, kos pengangkutan menggunakan kemudahan sedia ada adalah terlalu tinggi dan akan menjadikan harga minyak sawit lebih tinggi di pasaran negara-negara terbabit.

Kos penghantaran minyak sawit ke negara itu dianggarkan AS\$150 semetrik tan berbanding AS40 semetrik tan kos pengangkutan bahan itu ke China, katanya kepada selepas merasmikan mesyuarat perwakilan itu.

Dr Lim berkata kedua-dua republik bekas jajahan Rusia itu memang berminat membeli minyak sawit Malaysia.

Bagi memenuhi permintaan kedua-dua negara itu, ketiga-tiga pihak harus mengenal pasti kemudahan lain yang lebih murah untuk tujuan itu, kata beliau.

Menurutnya, bidang lain yang berpotensi diceburi oleh pelabur tempatan di kedua-dua negara itu termasuklah perlombongan, hartanah dan pelancongan.

-- BERNAMA

LAT PR